

03/01/2002

Ketua Setiausaha Kementerian tandatangani akujanji 29 Januari

PUTRAJAYA, Rabu - Semua Ketua Setiausaha Kementerian akan menandatangani akujanji untuk mematuhi Perintah Am kerajaan pada 29 Januari ini sebelum diikuti oleh semua kakitangan awam.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, berkata selepas Ketua Setiausaha Kementerian, ketua-ketua jabatan dan kakitangan awam di seluruh negara akan menandatangani dokumen itu secara berperingkat.

"Kita mulakan dengan ketua setiausaha dulu dan Insya-Allah yang lain akan mengikutinya selepas itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Aidilfitri Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, menjadi tetamu kehormat majlis berkenaan.

Oktober lalu, Kabinet memutuskan mewajibkan setiap kakitangan awam menandatangani akujanji selepas mendapati ada yang tidak mematuhi Perintah Am kerajaan.

Melalui peraturan itu, kakitangan awam tidak akan lagi mempunyai perasaan was-was untuk menjalankan segala arahan kerajaan.

Cuepacs, kesatuan sekerja induk sektor awam, bersetuju untuk menerima pelaksanaan akujanji itu. Cadangan itu asalnya bertujuan memastikan pensyarah dan pelajar universiti menjalankan tanggungjawab masing-masing dan tidak terbabit dalam aktiviti lain seperti kegiatan menentang kerajaan.

Samsudin berkata, apa yang terkandung dalam akujanji itu ialah beberapa perkara asas termasuk soal betapa pentingnya kakitangan awam bertugas dengan penuh tanggungjawab.

"Ia bukanlah sesuatu baru kerana semuanya ada dalam Perintah Am yang turut menyentuh soal kelakuan dan tatatertib kakitangan awam.

"Kalau saya tanya siapa yang pernah baca peraturan mengenai kelakuan dan tatatertib, tak ada orang yang baca melainkan kalau seseorang itu dikenakan tindakan tatatertib, baru dia baca.

"Tetapi bila kita letakkan perkara yang asas ini (dalam surat akujanji), Insya Allah semua orang faham tugas dan tanggungjawab masing-masing," katanya.

(END)